

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/08/28_21 (HQ)

TNB MULAKAN PEMBANGUNAN *NATIONAL GRID BACKBONE* 500kV, PERKUKUH KETERJAMINAN DAN PERALIHAN TENAGA MALAYSIA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam komitmen untuk membangunkan infrastruktur tenaga yang bersedia masa hadapan, menerusi permulaan pembangunan talian penghantaran *National Grid Backbone* 500kV yang baharu – sebuah projek infrastruktur strategik yang akan memperkukuh keterjaminan tenaga negara, mempercepat peralihan tenaga dan memenuhi keperluan bekalan elektrik negara pada masa hadapan.

Perasmian tapak projek Pencawang Masuk Utama (PMU) 500kV Kampung Awah di Maran, Pahang, hari ini menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan *National Grid Backbone* yang akan menghubungkan lokasi strategik merentasi pantai timur Semenanjung Malaysia.

National Grid Backbone ini direka bagi meningkatkan daya tahan, kebolehpercayaan, fleksibiliti dan kapasiti penghantaran Grid Nasional, di samping memacu pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Apabila siap pada 2030, *National Grid Backbone* ini akan menjadi talian sistem penghantaran 500kV yang terpanjang pernah dibangunkan di Malaysia, dengan panjang keseluruhan kira-kira 500km.

Majlis perasmian tapak projek PMU Kampung Awah telah disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail, dengan kehadiran Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad.

Kampung Awah Sebagai Nod Strategik

PMU Kampung Awah akan berperanan sebagai salah satu nod penghantaran strategik bagi *National Grid Backbone*, dengan meningkatkan kapasiti penghantaran, memperkukuh pemindahan tenaga antara wilayah dan mempertingkatkan daya tahan dan kebolehpercayaan rangkaian elektrik Semenanjung Malaysia.

Dengan lokasi strategik di sepanjang koridor penghantaran Paka-Kampung Awah-Bahau South-Kulai East, PMU Kampung Awah akan memperkukuh kesalinghubungan grid serta menyediakan kapasiti tambahan bagi membolehkan integrasi sumber penjanaan sedia ada dan akan datang.

Projek ini juga dijangka menyokong pertumbuhan aktiviti perindustrian dan komersial, memudah cara pelaburan bernilai tinggi dan mewujudkan peluang kepada rangkaian bekalan tempatan, termasuk dalam bidang kejuruteraan, pembinaan, operasi dan perkhidmatan berkaitan.

Memperkukuh Grid Nasional

National Grid Backbone 500kV akan menyediakan kapasiti penghantaran tenaga pukal berkapasiti tinggi merentasi Semenanjung Malaysia, meningkatkan kesalinghubungan serta kecekapan dan daya tahan rangkaian elektrik.

Pembangunan infrastruktur ini akan memperkukuh Grid Nasional merentasi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor, sekali gus meningkatkan kesiapsiagaan keseluruhan grid serta menyokong pelaksanaan NETR dengan jayanya.

Pembangunan ini merupakan sebahagian daripada komitmen jangka panjang TNB untuk memodenkan grid elektrik Malaysia. Dari 2025 hingga 2027, TNB melabur RM43 bilion dalam pembangunan dan pemodenan grid bagi memperkukuh kebolehpercayaan, daya tahan dan kapasiti Grid Nasional.

Justeru, *National Grid Backbone* akan menyediakan kapasiti penghantaran dan fleksibiliti grid yang diperlukan bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik yang terus berkembang, di samping membolehkan penembusan tenaga boleh baharu yang lebih tinggi, khususnya di Wilayah Timur. Ia juga akan meningkatkan kesiapsiagaan grid bagi memenuhi keperluan industri berteraskan kecerdasan buatan (AI), pusat data, infrastruktur digital dan pelaburan hijau bernilai tinggi yang semakin berkembang, sekali gus meningkatkan daya saing Malaysia dan meletakkan negara sebagai hab tenaga serantau yang terkemuka.

Merealisasikan Masa Hadapan Tenaga Yang Saling Terhubung dan Mampan

Wan Rosdy berkata pembangunan PMU Kampung Awah meletakkan Pahang pada kedudukan strategik dalam Grid Nasional dan akan menjadi pemangkin untuk menarik pelaburan hijau serta berteknologi tinggi ke negeri ini, disokong oleh kapasiti penghantaran yang lebih besar, kebolehpercayaan grid serta kesiapsiagaan untuk memenuhi permintaan tenaga pada masa hadapan.

“Sebagai salah satu nod penghantaran strategik bagi *National Grid Backbone* 500kV, projek ini akan memperkukuh kesalinghubungan Pahang dengan Grid Nasional dan meningkatkan kesiapsiagaan negeri untuk menyokong industri baharu, pelaburan bernilai tinggi dan pembangunan tenaga boleh baharu yang sedang berkembang. Infrastruktur ini juga akan mewujudkan peluang kepada perniagaan dan komuniti tempatan di sepanjang rantaian bekalan, seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi Pahang serta mengukuhkan kedudukan negeri sebagai penyumbang penting kepada peralihan tenaga Malaysia,” kata beliau.

Shamsul berkata pembangunan *National Grid Backbone* 500kV mencerminkan komitmen TNB untuk melabur dalam infrastruktur kritikal yang memperkukuh keterjaminan tenaga Malaysia, di samping membolehkan negara meneruskan agenda peralihan tenaga.

“Grid yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan adalah asas penting bagi Malaysia untuk memenuhi pertumbuhan permintaan elektrik, mengintegrasikan lebih banyak tenaga boleh baharu serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. *National Grid Backbone* 500kV akan memperkukuh tulang belakang sistem penghantaran Semenanjung Malaysia, dengan menyediakan kapasiti dan fleksibiliti yang diperlukan bagi memenuhi

keperluan tenaga negara yang terus berkembang, di samping memacu pelaksanaan NETR,” katanya.

Permulaan pembangunan *National Grid Backbone* 500kV ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh asas sistem tenaga masa hadapan Malaysia, memastikan Grid Nasional bersedia memenuhi keperluan elektrik negara yang terus berkembang, membolehkan peralihan tenaga serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi mampan untuk tahun-tahun akan datang.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.5GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Maran, Pahang pada 28 Ogos 2026 jam 2.00 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617

/ Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

atau e-mel: media@tnb.com.my



Upacara simbolik perasmian tapak projek Pencawang Masuk Utama (PMU) 500kV Kampung Awah disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail (tengah) dengan kehadiran Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad (empat dari kiri); Timbalan Menteri Ekonomi, Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah (empat dari kanan); Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Fadzilla Salleh (dua dari kiri); Penyelaras Dewan Negeri Chenor, Dato' Sri Shahaniza Shamsuddin (tiga dari kiri); Pegawai Daerah Maran, Che Wan Muhammad Salleh Che Wan Adnan (kiri); Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (tiga dari kanan); Ketua Pegawai Kanan Rangkaian TNB, Ir. Mahathir Nor Ismail (dua dari kanan); dan Ketua Pegawai Grid TNB, Ir. Hasmarizal Hassan (kanan), di Maran, Pahang hari ini (28 Ogos 2026).



Kerjasama erat semua pihak dizahirkan pada pelancaran tapak projek PMU 500kV Kampung Awah di Maran, Pahang, hari ini (28 Ogos 2026). Setelah siap kelak, pembangunan infrastruktur ini akan memperkukuh Grid Nasional merentasi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor, sekali gus meningkatkan kesiapsiagaan keseluruhan grid serta menyokong pelaksanaan NETR dengan jayanya.